

# Isteri ketua kampung mati dijerut dalam kejadian samun



**AHLI** keluarga Siti Zuliana Said menunggu di luar rumah mangsa yang ditemukan maut akibat dijerut dalam kejadian samun di FELDA Mengkuang, Bera, Pahang, semalam.

**BERA:** Isteri Ketua Peneroka FELDA Mengkuang, Triang di sini meninggal dunia selepas dijerut dengan kabel pengecas telefon dalam kejadian samun di rumahnya di tanah rancangan itu.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6 pagi itu, mangsa Siti Zuliana Said, 52, ditemukan meninggal manakala suami mangsa cedera dan pengsan akibat dipukul.

Suspek dikatakan melarikan diri ke arah Jempol, Nege-

ri Sembilan dengan menaiki kereta jenis Honda City milik mangsa.

Pemangku Ketua Polis Daerah, Deputy Superintenden N. Kumaran berkata, mangsa disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian akibat dijerut.

“Suspek dipercayai telah masuk ke dalam rumah pada waktu awal pagi melalui pintu belakang rumah dan masuk ke bilik tidur mangsa.

“Kami percaya, suspek menggunakan kabel pengecas telefon

untuk menjerut leher mangsa. Suspek juga telah mencederakan suami mangsa yang berusia 60 tahun.

“Berdasarkan siasatan awal, suspek dipercayai telah melarikan wang tunai RM6,000 dan kereta milik suami mangsa,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Kata Kumaran, suami mangsa cedera di kepala dan dihantar ke Hospital Sultan Ahmad Shah (HoSHAS), Temerloh untuk rawatan.